

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99**

Ogos / September 1998

PGT 361 : Kepimpinan Sekolah

Jam : [3 Jam]

SOALAN DALAM KERTASINI DI BAHAGIKAN KEPADA DUA BAHAGIAN.

Arahan : Jawab **tiga** soalan sahaja, Satu soalan daripada **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (Jawab satu soalan sahaja)

Soalan Satu (40 markah)

1a) Berasaskan bacaan tentang kepemimpinan sekolah, nyatakan jenis-jenis peranan yang dimainkan oleh seorang pemimpin di sekolah.

[15 markah]

b) Jelaskan satu model atau sekumpulan model kepemimpinan yang anda anggap sebagai sesuai dilaksanakan di sebuah sekolah di Malaysia. Nyatakan keadaan-keadaan jenis sekolah yang anda fikir adalah paling sesuai untuk melaksanakan model-model kepemimpinan berkenaan. Beri hujah untuk menyokong pandangan anda. (Anda juga diminta memberi justifikasi jika anda katakan tiada model kepemimpinan yang sedia ada adalah sesuai).

[25 markah]

2/-

Soalan Dua (40 markah)

- 2a) Bezakan imej pengetua sekolah sebagai pengurus birokrat (bureaucratic manager) berbanding dengan imej pengetua sebagai pemimpin pengajaran (instructional leader). Mengikut pandangan anda, sejauh manakah kedua-dua imej ini dibayangkan di sekolah kerajaan Malaysia? Jelaskan.

[15 markah]

4

- b) "Pada umumnya, guru dan pentadbir sekolah berkongsi tiga peranan yang sama: pengajaran, pengurusan dan politikal". Berasaskan pengalaman persekolahan di Malaysia, jelaskan makna ketiga-tiga peranan ini untuk

- i) pengetua sekolah
- ii) guru sekolah

Berikan contoh untuk menggambarkan peranan-peranan tertentu

[25 markah]

...3/-

BAHAGIAN B (Jawab dua soalan sahaja)

Soalan Tiga (30 markah)

- 3a) Terangkan dengan secara ringkas dua dimensi tingkah laku kepemimpinan yang dicadangkan oleh :

- I. Kajian Ohio State University
- ii. Kajian Michigan State University

Nyatakan perbezaan dan persamaan pengkonsepsian kepemimpinan di antara kedua-dua rangka konsep kajian itu.

[10 markah]

- b) Teori yang berasaskan tingkah laku kepemimpinan menggunakan dua dimensi kepemimpinan itu sebagai satu sistem grid untuk mengkaji keberkesanan kepemimpinan atau untuk program latihan pemimpin. Nyatakan bagaimanakah sistem grid itu dapat menggambarkan gaya kepemimpinan yang berkaitan dengan kepemimpinan yang berkesan. Nyatakan dengan secara ringkas sejauh manakah bukti-bukti daripada penyelidikan menyokong ramalan teori yang berasaskan sistem grid dua dimensi tingkah laku ini.

[20 markah]

Soalan Empat (30 markah)

- 4a) Jelaskan dengan secara ringkas makna gagasan *kepemimpinan* dan nyatakan implikasi takrifannya terhadap pengukuran gagasan ini.

[10 markah]

- b) Nyatakan makna “kontingensi” dalam gelaran *Model Kontingensi* yang digunakan dalam pengkajian kepemimpinan.

[5 markah]

- c) Model Kontingensi Fiedler menggunakan Skala LPC (Least Preferred Coworker) untuk mengenal pasti orientasi kepemimpinan bagi seorang pemimpin. Nyatakan ciri-ciri dimensi orientasi kepemimpinan yang dihasilkan penggunaan Skala LPC ini. Nyatakan juga ciri-ciri tiga sifat yang digunakan oleh Model Fiedler untuk menentukan kewujudan situasi yang sesuai atau tidak sesuai (favourable or unfavourable).

[15 markah]

4

Soalan Lima (30 markah)

- 5a) Terdapat model-model kepemimpinan yang mementingkan gaya membuat keputusan. Nyatakan jenis kategori gaya yang dimaksud dalam

- i) Model Kitaran Hidup (Life Cycle Model - Hersay & Blanchard)
- ii) Model Ranting Keputusan (Decision Tree Model - Vroom & Yetton)

Jelaskan persamaan atau perbezaan gaya membuat keputusan di antara kedua-dua rangka teori ini.

[20 markah]

- b) Jelaskan makna "kepemimpinan gantian" (leadership substitute) dan terangkan keadaan di mana keadaan ini wujud.

[10 markah]